



**KENYATAAN MEDIA**  
**ISLAMIC RELIEF MALAYSIA**

**Islamic Relief Malaysia Sasar Bantu Penduduk Lokal, Pelarian Syria dan Palestin di Lubnan Menerusi Kempen Rayuan Musim Sejuk**

**Bangi** – Islamic Relief Malaysia menerusi kempen Rayuan Musim Sejuk terus proaktif membantu mereka yang terkesan dengan ancaman cuaca sejuk melampau di Lubnan kerana mengambil kira situasi ekonomi di negara itu yang semakin kritikal.

Kemerosotan ekonomi yang mula melanda Lubnan pada tahun 2019 telah mengakibatkan mata wang negara itu jatuh merudum di pasaran hingga Bank Dunia menyifatkan krisis kewangan di Lubnan adalah salah satu krisis terburuk sejak abad ke-19.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Siti Fadilah Mohd Hood, pemilihan lokasi ini juga berperanan sebagai serampang dua mata untuk membantu pelarian Syria dan Palestin yang jumlahnya melebihi satu perempat daripada bilangan penduduk Lubnan.

“Kaedah penyaluran bantuan yang biasa diguna pakai oleh Islamic Relief bagi bantuan musim sejuk dijalankan menerusi edaran barang sumbangan, penggunaan baucar belian yang boleh ditebus di pasaraya dan kedai-kedai terpilih serta pemberian wang tunai secara terus kepada individu yang dibantu atau pembayaran bil kepada syarikat gas dan elektrik.

“Dari segi kriteria pemilihan individu yang dibantu pula merangkumi ibu tunggal, anak yatim, warga emas, orang kurang upaya (OKU), golongan berpendapatan rendah, ibu mengandung dan menyusu, keluarga yang terjejas COVID-19, pelarian dalam negara (IDP), isi rumah yang tiada pendapatan dan mempunyai bilangan tanggungan yang ramai,” kata Siti Fadilah.

Kutipan dana yang disasarkan menerusi kempen Rayuan Musim Sejuk bermula hari ini sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM250,000.

Tahun ini, Islamic Relief Malaysia masih lagi meneruskan kesinambungan penggunaan pakej sebagai strategi promosi bagi memudahkan masyarakat memahami konsep bantuan yang disalurkan seterusnya menyertai kempen ini.

**Pakej Sumbangan Kempen Rayuan Musim Sejuk:**

Harga (RM)	Pakej	Jenis Sumbangan
RM50	Stay Warm With Love	Pakaian Musim Sejuk
RM150	Stay Calm With Love	Tilam (2) & Selimut
RM250	Stay Safe With Love	Keperluan Asas Musim Sejuk: Pek Makanan, Petrol & Bahan Bakar

"Berdasarkan respon kakitangan Islamic Relief di lapangan, bantuan musim sejuk yang diberikan sebelum ini banyak membantu dalam meringankan beban penduduk terjejas memandangkan kesempitan hidup memaksa mereka memilih diantara membeli makanan atau bahan bakar, yang mana kedua-duanya sama penting untuk menyelamatkan nyawa dari ancaman maut.

"Menurut Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF), inflasi dan kenaikan harga barang keperluan asas seperti bahan bakar dan roti benar-benar menjerut kehidupan penduduk setempat sehingga mengakibatkan kira-kira 12 peratus keluarga di Lubnan terpaksa menghantar anak mereka seawal usia enam tahun untuk bekerja di jalanan, ladang atau tapak pembinaan yang terdedah dengan risiko eksloitasi, keganasan dan penderaan," jelas Siti Fadilah.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyumbang menerusi kempen **Rayuan Musim Sejuk**. Layari laman sesawang [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

### **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

### **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!

Siti Fadilah Mohd Hood,  
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

Pertanyaan lanjut, sila hubungi:  
Nor Zafirah Zahari  
Pengurus Jabatan Komunikasi  
Islam Relief Malaysia  
A-05-1 Paragon Point Jalan Medan PB5  
Seksyen 9 Pusat Bandar  
Bandar Baru Bangi 43650  
Email: [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)

Tel: 603-89263434/019-2201788